



Fail: (23) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.37

Tarikh: 17 Oktober 2011

SIARAN MEDIA

ALOR GAJAH SENTRAL, PRASARANA UNTUK SEMUA

ALOR GAJAH, 30 OKTOBER 2011- Y.B. Datuk Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) merasmikan Terminal Bas Alor Gajah, Alor Gajah Melaka pada pagi ini.

Terminal bas Alor Gajah ini dibina untuk tujuan keselesaan dan kemudahan pengangkutan awam kepada masyarakat tempatan mahupun pengunjung dari luar Negeri Melaka. Kos pembinaan Terminal Bas Alor Gajah (AG Sentral) ini berjumlah RM3.3 juta secara perkongsian kos (*cost sharing*) di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dengan pembiayaan oleh Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM2 juta. Perkongsian kos ini adalah merupakan amalan yang diamalkan oleh Kementerian dalam mendapatkan komitmen dan kerjasama pihak Kerajaan Negeri dan PBT dalam melaksanakan sesuatu projek pembangunan dalam kawasan pentadbirannya.

Chor menyarankan agar PBT-PBT menyelenggara kemudahan-kemudahan persekitarannya supaya ianya kekal berada dalam keadaan baik. Saranan ini dibuat kerana pihak Jabatan Audit Negara senantiasa melakukan auditan ke atas pelaksanaan projek-projek di bawah peruntukan KPKT oleh PBT. Justeru itu, menurut chor penyelenggaraan harus diberi tumpuan dan perhatian khusus bagi memastikan setiap pembangunan yang dilaksanakan di kawasan PBT sentiasa berada dalam keadaan baik selain mengekalkan fungsi kemudahan tersebut agar mampu beroperasi dengan baik.

Menurut Chor lagi, dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMKe-9) yang lepas, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah

menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak RM81.62 juta kepada 4 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Melaka bagi tujuan pelaksanaan projek-projek pembangunan fizikal dan program-program sosial. JKT merupakan Jabatan yang dipertanggung jawabkan untuk mewujudkan PBT-PBT yang berdaya saing, dinamik dan mampan dalam memberikan perkhidmatan perbandaran yang berkualiti. Ini selaras dengan Teras Keempat Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu Meningkatkan Tahap dan Kemampanan Kualiti Hidup. Penyaluran peruntukan pembangunan tersebut adalah bertujuan membantu PBT melaksanakan pembangunan di dalam kawasan pentadbirannya dengan skop program adalah seperti berikut :

- i. Sejumlah RM67.6 juta telah disalurkan bagi melaksanakan 385 projek-projek kecil merangkumi Projek Infrastruktur asas seperti membina dan menaiktaraf jalan dan longkang, Projek Kemudahan Awam seperti membina dan menaiktaraf dewan, pondok menunggu bas, tandas awam dan Projek Sosio-Ekonomi seperti projek membina dan menaiktaraf pasar awam, gerai dan tapak pasar. Tambahan daripada peruntukan tersebut, sebanyak RM12.01 juta turut disalurkan bagi melaksanakan 245 projek-projek kecil dalam kawasan penempatan Kampung Tradisional dalam kawasan PBT;
- ii. Sejumlah RM733,700 juga disediakan bagi melaksanakan program Kebersihan Awam termasuklah perbekalan peralatan dan bahan kimia untuk kawalan vektor, perbekalan peralatan dan kelengkapan bagi kawalan mutu keselamatan makanan, program dan kempen kebersihan termasuklah Kempen Tandas Bersih serta promosi dan latihan berterusan mengenai kebersihan dan kesihatan persekitaran;
- iii. Sebanyak RM492,000 turut disediakan bagi melaksanakan Program Local Agenda 21 yang merupakan satu program yang memberi penekanan terhadap penglibatan dan kerjasama tiga (3) pihak iaitu PBT sendiri, komuniti setempat dan sektor swasta dalam merancang dan menguruskan kawasan persekitaran mereka ke arah pembangunan mampan dan kualiti hidup yang lebih baik; dan

- iv. Sebanyak RM759,915 bagi melaksanakan Program Komputerisasi di PBT iaitu peluasan Sistem ePBT ke 2 buah PBT negeri Melaka iaitu Majlis Perbandaran Alor Gajah dan Majlis Perbandaran Jasin. Peruntukan yang disediakan ini adalah bagi membekalkan perkakasan (*hardware*) ICT kepada PBT termasuklah komputer, printer dan server, selain pemasangan (instalasi) Sistem ePBT yang telah dibangunkan kepada PBT bertujuan mempertingkatkan lagi penyampaian perkhidmatan PBT melalui pembangunan ICT.

PBT-PBT Negeri Melaka turut menerima beberapa lagi pemberian daripada Kerajaan Persekutuan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) bagi membantu operasi dan mengurus PBT iaitu :

- i. Pemberian Geran Tahunan PBT yang merupakan salah satu daripada pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri berdasarkan peruntukan 109(3) Perlembagaan Persekutuan. Amaun pemberian Geran Tahunan ini adalah berasaskan bilangan penduduk, belanja mengurus, taraf PBT, keperluan pelaburan sosial dan juga keunikan PBT. PBT juga adalah dikenakan syarat untuk mengemukakan penyata kewangan dan cadangan perbelanjaan bagi tujuan penyaluran peruntukan tersebut. Dalam tempoh RMKe-9, sejumlah RM46.2 juta telah disalurkan kepada semua PBT negeri Melaka bertujuan membantu kewangan mengurus PBT termasuk emolumen dan penyenggaraan aset PBT;
- ii. Sumbangan Membantu Kadar yang merupakan pemberian di bawah perkara 156 Perlembagaan Persekutuan pula adalah bagi menggantikan cukai bangunan Kerajaan Persekutuan dalam kawasan PBT. Sejumlah RM35.2 juta telah disalurkan kepada seluruh PBT negeri Melaka bagi tujuan penyelenggaraan aset Kerajaan Persekutuan dalam kawasan PBT dengan jumlah yang diterima PBT adalah ditentukan oleh bilangan dan keluasan bangunan dan juga kadar taksiran PBT sendiri.

Daripada keseluruhan peruntukan pembangunan berjumlah RM81.62 juta tersebut, sebanyak RM81.1 juta atau 99.37% telah dibelanjakan sehingga Disember 2010. Projek-projek ini seperti yang diketahui ramai merupakan projek-projek *touch points* yang diinginkan oleh Kerajaan bagi memberi keselesaan kepada rakyat.

Bagi tahun 2011 pula, sehingga kini, KPKT melalui JKT telah meluluskan peruntukan BP1 sebanyak RM11.7 juta kepada PBT-PBT Negeri Melaka bagi melaksanakan 156 projek. Sehingga kini, prestasi perbelanjaan yang dicatatkan adalah sebanyak RM6.4 juta atau 56% berbanding jumlah peruntukan yang telah diluluskan tersebut dengan 46 projek telah siap dilaksanakan.

Turut hadir pada majlis ini adalah Y.A.B. Datuk Seri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam (Ketua Menteri Melaka merangkap Pengerusi Jawatankuasa Negeri bagi Tanah, Kewangan, Perancangan Ekonomi, Teknologi Hijau, Sains dan Teknologi Negeri Melaka), Y.B. Datuk Haji Md. Yunus bin Husin (Ahli Dewan Undangan Negeri Ayer Molek merangkap Pengerusi Jawatankuasa Negeri bagi Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Negeri Melaka), Y.Bhg. Datuk Wira Omar bin Kaseh (Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka), Y.Bhg. Datuk Ahmad bin Haji Kabit (Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan), Y.Bhg. Datuk Arpah binti Abdul Razak (Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan) dan Y.Bhg. Tuan Haji Kamarudin bin Md. Shah (Yang Dipertua Majlis Perbandaran Alor Gajah).

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Wira Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mail : pro@kpkt.gov.my